

11 DEC 1997

HISHAMUDDIN: KUKUHKAN PERPADUAN HADAPI CABARAN LUAR

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno menggesa umat Islam mengukuhkan perpaduan dan keazaman dalam menghadapi cabaran daripada luar yang didorong oleh hasrat untuk memecahbelah, menakluk dan mempersendakan umat Islam.

Pengerusi Majlis Hal Ehwal Antarabangsa pergerakan itu, Datuk Hishamuddin Tun Hussein berkata pengglobalan masyarakat dunia telah memberi ruang kepada media Barat untuk melabelkan penganut Islam sebagai pengganas dan pelampau tanpa memahami agama mereka yang sebenarnya.

Menyedari cabaran yang dihadapi daripada masyarakat global, Pemuda UMNO menyokong gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya negara-negara Islam menyahut cabaran dalam mempertahankan agama dan cara hidup mereka, kata Hishamuddin dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata sidang kemuncak kelapan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Tehran, Iran merupakan wadah terbaik bagi umat Islam untuk menilai kekuatan dan kelemahan dalaman mereka.

Pergerakan Pemuda UMNO menggesa OIC supaya memperkukuhkan ketahanan dalaman dan mengatasi masalah yang menghantui negara-negara anggota seperti kemiskinan, buta huruf, kemunduran dan pemerintahan kuku besi.

Katanya, kemajuan pesat dalam bidang teknologi dan globalisasi telah mengubah sistem perdagangan dunia dan maklumat menjadikan masyarakat yang "tertutup" terus berada dalam kegelapan. -- Bernama

MHI oba